



HOSPITAL SULTANAH AMINAH  
JOHOR BAHRU, JOHOR

*Pelan*

# TINDAKAN KEBAKARAN

Pangsapuri Sri Murni 2



EDISI KE - 1/2022

HSA  
HOSPITAL SULTANAH AMINAH  
JOHOR BAHRU



**HOSPITAL SULTANAH  
AMINAH JOHOR BAHRU,  
JOHOR**



**PELAN TINDAKAN KEBAKARAN  
PANGSAPURI MURNI 2**

TANDATANGAN PENYEDIA	JAWATAN	TARIKH
 DR. AHMAD HAKIMIE BIN MOHAMMAD No. Pendaftaran Penuh MPM: 91156 Pegawai Perubatan UD43 Unit Kesihatan Persekitaran Dan Kesihatan Pekerjaan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru	Dr Ahmad Hakimie Bin Mohammad  PEGAWAI PERUBATAN UNIT KESIHATAN PEKERJAAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN HOSPITAL SULTANAH AMINAH	20/10/22
 NAZREE BIN DAUD Pen Peg Perubatan U32 No MPP: 9291 Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru	PPP Nazree Bin Daud  PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN UNIT KESIHATAN PEKERJAAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN HOSPITAL SULTANAH AMINAH	20/10/22
TANDATANGAN PENYEMAK	JAWATAN	TARIKH
 DR. REDZUAN BIN AB HAMID No. Pendaftaran Penuh MPM: 37825 Timbalan Pengarah Hospital (Pembedahan) Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Dr Redzuan Bin Ab Hamid  TIMBALAN PENGARAH PEMBEDAHAN HOSPITAL SULTANAH AMINAH	20/10/22
TANDATANGAN YANG MELULUSKAN	JAWATAN	TARIKH
 DR. HJ MOHTAR BIN PUNGUT @ HJ. AHMAD No. Pendaftaran Penuh MPM: 32017 Pakar Perubatan Kesihatan Awam Pengaruh Hospital Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru	Dr Hj Mohtar Bin Pungut @ Hj Ahmad  PAKAR PERUBATAN KESIHATAN AWAM PENGARAH HOSPITAL	20.10.2022

## **KATA-KATA ALUAN**

Syukur Kehadrat Ilahi kerana limpah kurnianya terhasilnya Pelan Tindakan Kebakaran Pangsapuri Murni 2, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru Edisi Pertama (1) tahun 2022.

Antara bencana yang boleh berlaku di Pangsapuri Murni 2 ini adalah kebakaran. Ini adalah berdasarkan pengalaman dan laporan kebakaran yang telah berlaku sejak kebelakangan ini di sana.

Dengan terhasilnya Pelan Tindakan Kebakaran Pangsapuri Murni 2 Edisi Pertama (1) ini adalah diharapkan bahawa ianya akan menjadi rujukan kepada anggota Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru untuk membuat tindakan sewajarnya apabila berhadapan dengan kejadian kebakaran di pangapuri ini.

Terima kasih diucapkan kepada semua individu yang telah bekerjasama membantu dalam penghasilan Pelan Tindakan Kebakaran Pangsapuri Murni 2 Edisi Pertama (1).

Sekian. Terima Kasih.



**(DR. HJ. MOHTAR BIN PUNGUT @ HJ. AHMAD)**

Pengarah Hospital

Hospital Sultanah Aminah

Johor Bahru.

## **JAWATANKUASA PENYEDIAAN POLISI**

**Dr Hj Mohtar Bin Pungut @ Hj Ahmad**

Pengarah

Hospital Sultanah Aminah

**Dr Redzuan Bin Ab Hamid**

Timbalan Pengarah Pembedahan

Hospital Sultanah Aminah

**Dr Diyana Binti Mohamad**

Ketua Unit Kesihatan Persekitaran & Kesihatan Pekerjaan

**Dr Mardyiana Binti Md Seman**

Ketua Unit Kualiti

**En. Mohd Rohaizal Bin Azeman**

Fire Safety Officer (FSO)

Hospital Sultanah Aminah

**Pn. W Nur Fatimah Binti W Hassan**

Ketua Unit Khidmat Pengurusan

**Matron Teh Siew Fah**

Penyelia Jururawat U42

**Matron Rokiah Binti Samin**

Penyelia Jururawat U36

**Matron Rahimah Binti Abu Bakar**

Penyelia Jururawat U36

**En. Kamaruzzaman Bin Mat Rani**

Jurutera Elektrik J44

Unit Kawal Selia

**Ts. Mohamad Azzad Bin Mokhri**

Jurutera J44

Unit Kawal Selia

**En. Adnan Bin Abdullah**

Penyelia Jabatan Kecemasan Dan Trauma

Hospital Sultanah Aminah

**En. Abd Hadi Bin Jalal**

Penghulu Pangsapuri Murni 2

**Pn. Hasliana Binti Mohamed**

Ketua Unit Teknologi Maklumat

**Pn. Nurul Haswani Binti Saiman**  
Ketua Unit Keselamatan

**Pn. Jairani A/P Kasi Naidu**  
Pegawai Khidmat Pelanggan N22  
Seksyen Khidmat Pelanggan

**En. Raja Aidil Bin Raja Ismail**  
Penolong Pegawai Keselamatan KP 32

**En. Harsad Bin Ambok Tang @ Daing Metejoj**  
Jurutera Mekanikal  
Medivest Sdn Bhd

## **PENGAKTIFAN PELAN TINDAKAN KEBAKARAN PANGSAPURI MURNI 2**

### **1.0 PENGENALAN**

Pangsapuri Murni Dua merupakan Kwarters Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (HSAJB) yang mempunyai 7 buah blok bangunan (Blok A hingga Blok G) dan mempunyai 220 unit rumah keseluruhannya. Setiap Blok mempunyai 5 tingkat dan setiap buah rumah mempunyai 3 buah bilik. Kwarters ini dibina pada tahun 2005 dengan jarak antara kuarters dan HSAJB adalah 10 kilometer. Selain itu, terdapat kemudahan lain di kuarters ini seperti surau, taska dan dewan serba guna. Kawasan kuarters ini dilengkapi dengan pili bomba (*fire hydrant*) sekiranya berlaku bencana kebakaran.

Risiko bencana kebakaran boleh berlaku dimana-mana termasuk bangunan kerajaan yang mungkin disebabkan oleh punca-punca yang tidak disengajakan atau kecuaiian atau sikap yang tidak bertanggungjawab sesetengah pihak. Penghuni kuarters ini dinasihatkan supaya prihatin dalam penjagaan keselamatan bangunan dengan mengelak sebarang aktiviti yang boleh mengundang risiko kebakaran. Mereka juga perlu terlibat secara langsung dalam setiap aktiviti kesiapsiagaan menghadapi sebarang bencana seperti menyertai *Pasukan Emergency Response Team* dalam usaha untuk memupuk budaya kerjasama serta tolong-menolong dikalangan penduduk sekiranya berlaku sebarang bencana demi memastikan kuarters ini sentiasa selamat untuk diduduki.

Tujuan utama garis panduan ini dikeluarkan adalah untuk memastikan semua penghuni kuarters mengetahui pelan tindakan kecemasan dan dapat memainkan peranan masing-masing semasa bencana seperti bencana kebakaran. Tindakan kecemasan yang pantas serta sistematik memerlukan sistem komunikasi yang baik dan koordinasi mantap antara pelbagai agensi yang merupakan kunci dalam kejayaan proses penyelamatan semasa bencana.

## 2.0 OBJEKTIF

Objektif Pelan Tindakan Kebakaran Pangsapuri Murni 2 ini adalah seperti berikut:

- I. Mewujudkan persekitaran yang selamat serta mengurangkan risiko bahaya kebakaran pada setiap masa.
- II. Mewujudkan Pelan Tindakan Bencana Dalaman PSM 2 yang memberi penekanan dalam aspek:
  - a. Pengendalian kebakaran setempat yang terkawal
  - b. Pengaktifan Pelan Bencana Dalaman (Kebakaran)
  - c. Pengaktifan Sistem Amaran Kebakaran
  - d. Pengaktifan Pasukan ERT
  - e. Pengungsian bangunan.
- III. Menubuhkan Pasukan Emergency Respons Team (ERT) di PSM 2 yang berupaya mengesan dan memadamkan kebakaran di peringkat awal serta memberi bantuan menyelamatkan apabila berlaku kebakaran.
- IV. Mewujudkan **1 Keluarga 1 ERT Program**. Dasar ini diwujudkan bagi melatih anggota yang menginap di kuarters supaya berpengetahuan dalam mengendalikan situasi bencana kebakaran. **Setiap keluarga yang menghuni di PSM 2 perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang yang berpengetahuan dan kemahiran asas menggunakan peralatan penentang kebakaran serta bekerjasama dengan pihak hospital dalam menerapkan budaya pencegahan kebakaran dan keselamatan di Kuarters PSM 2.**
- VI. Memberi garis panduan jelas tentang peranan Pasukan ERT semasa insiden ;
  - a. Menyelamatkan nyawa dan mengelakkan kecederaan.
  - b. Untuk bertindak dengan pantas dan sistematik apabila berlakunya kebakaran.
  - c. Menyekat api dari marak untuk mengurangkan kerosakan harta benda.
  - d. Membantu Pasukan Bomba dan Penyelamat.
  - e. Mengembalikan aktiviti harian seperti sediakala.
  - f. Mewujudkan kesedaran Budaya Keselamatan Kebakaran

- VII. Melakukan pemantauan “*good housekeeping*” berterusan di unit masing-masing serta kawasan gunasama.
- VIII. Pasukan ERT PSM 2 juga boleh digerakkan untuk membantu sebarang bencana di HSAJB.

### 3.0 ANALISA RISIKO PUNCA-PUNCA KEBAKARAN SERTA LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DI PANGSAPURI MURNI 2 (PSM 2)

Terdapat beberapa risiko yang boleh menyebabkan kebakaran seperti faktor elektrik, penggunaan peralatan elektrik, faktor gas, merokok, faktor pengguna dan faktor semulajadi.

<b>Faktor Penyumbang</b>	<b>Punca-Punca Kebakaran</b>
I. Faktor Elektrik	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pendawaian dilakukan oleh orang yang tidak kompeten</li> <li>b) Pemasangan wayar yang salah</li> <li>c) Gagal mematuhi peraturan keselamatan</li> <li>d) Pendawaian elektrik yang telah berusia</li> </ul>
II. Peralatan Elektrik	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Kerosakan pendawaian peralatan</li> <li>b) Tiada pembumian pada peralatan elektrik</li> <li>c) Ketiadaan atau kerosakan komponen perlindungan elektrik jika terdapat arus berlebihan contohnya fius atau pemutus litar</li> <li>d) Penambahan peralatan elektrik oleh pengguna tanpa mengambil kira kemampuan pendawaian elektrik</li> </ul>
III. Faktor Gas	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Kebocoran gas memasak di rumah</li> <li>b) Pengendalian tong gas yang tidak betul</li> <li>c) Penyimpanan gas berhampiran dengan bahan mudah terbakar. Contoh: berhampiran soket, telefon mudah alih dan api</li> </ul>
IV. Merokok	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perbuatan merokok di dalam kawasan rumah</li> <li>b) Pembuangan puntung rokok di kawasan bahan mudah terbakar seperti rumput kering, tong gas</li> </ul>



<b>Faktor Penyumbang</b>	<b>Punca-Punca Kebakaran</b>
V. Faktor Pengguna	a) Sikap sambil lewa serta kurang kesedaran berkaitan penggunaan peralatan elektrik dan keselamatan kebakaran
VI. Faktor Semulajadi	a) Kilat b) Banjir c) Gempa bumi

#### **4.0 PENGURUSAN RISIKO**

Semua penghuni perlu memastikan persekitaran tempat tinggal sentiasa dalam keadaan selamat dengan mengurangkan risiko kebakaran seperti berikut;

<b>A) LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN PENGGUNAAN ELEKTRIK</b>	
<b>LOKASI/PERALATAN</b>	<b>LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN</b>
<b>I. Wayar Elektrik</b>	a) Pastikan tangan anda kering sebelum menyentuh wayar elektrik atau peralatan elektrik b) Semua wayar elektrik yang penebatnya telah tertanggal/rosak perlu diasingkan, diganti segera dan tidak digunakan. c) Pastikan palam dan soket dalam keadaan baik sebelum digunakan dan jika telah retak atau pecah hendaklah tidak digunakan dan diganti segera. d) Suis utama elektrik perlu dimatikan sebelum sebarang kerja pembaikan litar elektrik dilakukan. e) Peralatan elektrik yang digunakan hendaklah mempunyai label <i>Standard And Industrial Research Of Malaysia</i> (SIRIM) dan label Suruhanjaya Tenaga. f) Semua suis peralatan elektrik hendaklah dimatikan dan palam elektrik dicabut sebelum meninggalkan rumah. g) Sebarang kerja-kerja pembaikan dan naik taraf

<b>A) LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN PENGGUNAAN ELEKTRIK</b>	
<b>LOKASI/PERALATAN</b>	<b>LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN</b>
	<p>hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berkuatkuasa (contoh Peraturan IEE: <i>Institution of Electrical Engineer Wiring Regulations</i>).</p> <p>h) Dilarang mengubahsuai/membaiki sendiri peralatan elektrik/litar yang rosak. Sebarang pembaikan atau penggantian mestilah dilakukan oleh orang yang kompeten.</p> <p>i) Dilarang menggantikan dawai fuis yang terputus dengan dawai biasa.</p> <p>j) Dilarang mencucuk sebarang bahan ke dalam lubang soket.</p> <p>k) Dilarang menggunakan peralatan yang rosak atau telah diubahsuai.</p> <p>l) Pastikan <i>Plan Preventive Maintenance</i> (PPM) pendawaian bangunan dan peralatan dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan terutama bagi sistem pendawaian pbumian yang perlu mengikut spesifikasi dan peraturan yang ditetapkan.</p> <p>m) Tidak melakukan sebarang pengubahsuaian sistem elektrik di papan agihan (DB) tanpa persetujuan pihak kejuruteraan hospital.</p> <p>n) Tidak dibenarkan untuk menyimpan sebarang peralatan/barang di dalam Bilik Suis dan laluan tangga/kecemasan.</p>
<b>II. Peralatan Elektrik</b>	<p>a) Peralatan elektrik yang boleh memanas hendaklah diletak jauh dari benda mudah terbakar.</p> <p>b) Tidak menggunakan peralatan yang rosak atau telah diubahsuai.</p> <p>c) Elakkan penggunaan peralatan elektrik secara berterusan.</p> <p>d) Menanggalkan peralatan elektrik dengan menarik</p>

A) LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN PENGGUNAAN ELEKTRIK	
LOKASI/PERALATAN	LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN
	<p>palam (<i>plug</i>) dan bukannya dengan menarik wayar.</p> <p>e) Pastikan terdapat ruang yang mencukupi di antara peralatan elektrik dengan dinding supaya terdapat pengaliran udara bagi mengelakkan kepanasan.</p>
<p><b>III. Keberkesanan Aduan Kerosakan dan Penyelenggaraan</b></p>	<p>a) Sebarang kerosakan yang berlaku di pangsapuri hendaklah dilaporkan dan dibuat aduan kepada pihak syarikat konsesi supaya tindakan pemeriksaan dan pembaikan dapat dilaksanakan.</p> <p>b) Memperkasakan sistem pengurusan aduan berkomputer bagi memantau aduan &amp; kerja-kerja pembaikan oleh syarikat konsesi. Juruteknik konsesi yang menerima aduan masalah elektrik hendaklah melakukan penyiasatan terperinci terhadap punca kepada aduan/kerosakan dan tidak hanya melakukan penggantian (contoh: dawai fius yang terputus dengan dawai biasa) tanpa penerangan berkenaan aduan kepada pengguna.</p> <p>c) Pihak konsesi perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) di dalam semua perkhidmatan teknikal yang dilakukan bersama Jurutera berdasarkan kontrak yang dipersetujui.</p> <p>d) Jurutera konsesi hendaklah sentiasa bekerjasama dengan jurutera hospital dan Fire Safety Officer (FSO) dalam memantau segala kerja-kerja teknikal yang dijalankan dan pemeriksaan di kawasan pangsapuri.</p> <p>e) Memastikan pihak konsesi melakukan <b>Electrical Safety Audit</b> yang menyeluruh sekurang-kurangnya sekali setahun bersama jurutera hospital mengikut Garis Panduan Penyelenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (GPPBBK) sebagai panduan bagi skop <i>Facility Management</i> (FM) yang</p>

<b>A) LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN PENGGUNAAN ELEKTRIK</b>	
<b>LOKASI/PERALATAN</b>	<b>LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN</b>
	merangkumi <i>parameters</i> dan <i>developed system</i> ( <i>Miniature Circuit Breaker MCB</i> ), <i>Residual Current Circuit Breaker (RCCB)</i> , <i>Earthing System</i> , <i>Protection System</i> dan membentangkan penemuan audit kepada pihak pengurusan hospital.
<b>IV. Pemantauan Bilik Sesalur Elektrik (Bilik Bekalan Utama Elektrik Blok dan Meter TNB)</b>	<p>a) Bilik DB perlu dipastikan sentiasa dalam keadaan kemas dan tidak dijadikan sebagai tempat penyimpanan barang atau peralatan.</p> <p>b) Pintu bilik DB perlu dipastikan dalam keadaan baik dan bilik sentiasa dalam keadaan tertutup.</p> <p>c) Bilik perlu sentiasa dipantau oleh pihak konsesi dengan kekerapan minimum sekali untuk tempoh sebulan.</p>

<b>B) LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN DI PANGSAPURI (KECUAIAN)</b>	
<b>PUNCA</b>	<b>LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN</b>
<b>I. Merokok</b>	<p>a) Jangan biarkan bekas abu rokok menjadi penuh yang boleh menyebabkan habuk panas terjatuh.</p> <p>b) Pastikan puntung rokok dipadamkan sepenuhnya sebelum dibuang.</p> <p>c) Jangan sekali-kali merokok di atas katil atau setelah mengambil ubat ubatan yang boleh menyebabkan rasa mengantuk.</p> <p>d) Mancis dan pemetik api hendaklah diletakkan di tempat yang tinggi supaya tidak dicapai oleh kanak kanak</p>
<b>II. Good House Keeping</b>	<p>a) Penyusunan barang - barang hendaklah mengikut kesesuaian dan pada tempat yang dikhaskan.</p> <p>b) Barang – barang yang diletakkan di laluan hendaklah disusun dengan teratur dan tidak menghalang jalan keluar.</p> <p>c) Bahan mudah terbakar hendaklah diasingkan dan disimpan di tempat yang bebas dari bahaya kebakaran.</p>

## 5.0 PENGAKTIFAN SISTEM AMARAN KEBAKARAN PANGSAPURI MURNI 2

Pengaktifan Pelan Tindakan Kebakaran Pangsapuri Murni 2 (PSM 2) adalah bergantung kepada sama ada api berjaya dipadamkan atau tidak berjaya dipadamkan. Bagi kebakaran yang terkawal dan api berjaya dipadamkan, proses evakuasi penghuni tidak perlu dilakukan namun pemakluman berkaitan insiden kebakaran yang berlaku perlu disampaikan kepada Pengarah Hospital/Timbangan Pengarah, Fire Safety Officer (FSO), Jurutera, Medinvest Sdn. Bhd dan pihak BOMBA. Manakala bagi kebakaran yang tidak berjaya dipadamkan oleh Penghuni pula, pengaktifan sistem amaran kebakaran serta proses evakuasi penduduk hendaklah dilaksanakan.

### 5.1 PENGAKTIFAN PELAN KEBAKARAN TERKAWAL

- 1) Jika berlaku sebarang kebakaran, **penghuni PSM 2 yang berada di lokasi perlu memadamkan api menggunakan alat pemadam api** terlebih dahulu. **Sekiranya api berjaya dipadamkan**, Ketua Blok/Penghulu PSM 2 perlu maklumkan kepada Pegawai seperti berikut :
  - i. FSO (dalam waktu pejabat) atau Penyelia *oncall* / ETD (luar waktu pejabat),
  - ii. Jurutera Hospital
  - iii. Syarikat Konsesi (Medinvest),
  - iv. Pengarah hospital / Timbalan Pengarah
  - v. Bomba.
- 2) Laporan secara bertulis perlu disediakan dengan segera oleh Pegawai berkenaan (FSO, Jurutera Hospital dan Medinvest) dan diserahkan kepada Pengarah Hospital untuk tindakan lanjut.
- 3) Kawasan kebakaran akan ditutup untuk siasatan lanjut oleh pihak Forensik Bomba. Penghuni tidak dibenarkan untuk memasuki, membersihkan atau menyentuh kawasan insiden sehingga pihak Forensik Bomba selesai menjalankan siasatan.
- 4) Pengarah Hospital akan mengeluarkan arahan pemindahan sekiranya keadaan tidak selamat.

- 5) Sekiranya keadaan selamat, Pengarah Hospital akan mengeluarkan arahan untuk meneruskan menduduki kepada penghuni atas nasihat dari pihak Bomba.
- 6) Kawasan kebakaran akan dibuka semula atas arahan Pengarah Hospital setelah mendapat nasihat dari pihak Bomba.

## 5.2 PENGAKTIFAN PELAN KEBAKARAN TIDAK TERKAWAL

- 1) Jika berlaku sebarang kebakaran, **penghuni yang berada di lokasi perlu memadamkan api menggunakan alat pemadam api. Sekiranya api tidak berjaya dipadamkan** oleh penghuni atau pasukan ERT Blok terlibat, maka kebakaran ini dikategorikan sebagai Kebakaran Tidak Terkawal yang memerlukan Pengaktifan Sistem Amaran Kebakaran PSM 2 untuk bantuan Bomba dan pengungsian bangunan perlu dilakukan.
- 2) Buat pengumuman kebakaran API, API, API dan seterusnya mengaktifkan alat penggera kebakaran (*bunyikan wisel/air horn/hailer*) untuk meminta bantuan dari Pasukan ERT Blok terlibat.
- 3) Dalam masa yang sama, Penghuni atau Pasukan ERT Blok terlibat perlu menghubungi Bomba dengan menggunakan talian Balai Bomba Larkin : 07-2243444 atau talian 999 bagi sambungan ke Bomba & Penyelamat. Pastikan maklumat yang tepat diberikan kepada pihak Bomba dan Penyelamat. Sekiranya terdapat mangsa yang memerlukan rawatan kecemasan, hubungi ambulans melalui talian 999.
- 4) Penghuni/ ERT PSM 2 di lokasi kebakaran perlu menutup suis utama bekalan elektrik sekiranya perlu.
- 5) Penghuni/ ERT PSM 2 di lokasi kebakaran perlu menyelamatkan dan memindahkan semua penghuni yang berada berhampiran kebakaran ke tempat yang lebih selamat atau tempat berkumpul sewaktu kebakaran (Pengungsian Bangunan). Sila patuh pada arahan Ketua Blok/Pasukan ERT.
- 6) Pasukan ERT PSM 2 perlu melapor diri kepada Ketua Blok / Penghulu di lokasi kebakaran.

- 7) Aktifkan Pasukan ERT Blok lain dengan melakukan Pengumuman melalui sistem pembesar suara surau PSM 2 dan lakukan pengumuman seperti (“Kebakaran di Blok. Pasukan ERT diminta untuk hadir ke lokasi”)
- 8) Pasukan ERT perlu bersedia bagi ketibaan Pasukan Bomba dan Penyelamat dan membantu menunjukkan arah ke lokasi kebakaran bagi mempercepatkan proses pemadaman api.
- 9) Ketua Blok / Penghulu perlu melaporkan insiden serta kekuatan anggota ERT kepada On Scene Commander (Pegawai Bomba di lokasi) Pasukan Bomba dan Penyelamat.
- 10) Pasukan ERT PSM 2 perlu membantu pemadaman, penyelamatan / perawatan mangsa dan pengungsian sehingga arahan stand down dari Pengarah Hospital. **(Sekiranya Pasukan Bomba tiba, Pasukan ERT tidak dibenarkan masuk tanpa kebenaran dari Pegawai Bomba dan Penyelamat ).**
- 11) Proses penyelamatan dan evakuasi penghuni hendaklah diteruskan sehingga mendapat arahan *stand down* dari Pengarah Hospital.
- 12) Semua Penghuni dikehendaki berkumpul di Zon Berkumpul dan Ketua Blok perlu melakukan *Head Count* dan menyampaikan segala maklumat kepada Pegawai berikut :
  - i. Fire Safety Officer (FSO) dalam waktu pejabat atau penyelia oncall / ETD di luar waktu pejabat,
  - ii. Jurutera Hospital
  - iii. Syarikat Konsesi (Medivest),
  - iv. Pengarah Hospital / Timbalan Pengarah Hospital
- 10) Laporan secara bertulis perlu disediakan dengan segera oleh pegawai berikut (FSO, Jurutera Hospital dan Medivest) dan diserahkan kepada Pengarah Hospital untuk tindakan lanjut.
- 11) Kawasan kebakaran akan ditutup untuk siasatan lanjut oleh pihak Forensik Bomba. Penghuni tidak dibenarkan untuk memasuki, membersihkan atau menyentuh kawasan insiden sehingga pihak Forensik Bomba selesai menjalankan siasatan.
- 12) Pengarah Hospital akan memaklumkan samada keadaan selamat atau tidak atas nasihat daripada pihak Bomba. Sekiranya ianya masih tidak selamat,

pemindahan penghuni akan dilakukan untuk penempatan sementara. Jika keadaan telah selamat, Pengarah akan mengeluarkan kebenaran untuk menduduki kuarters.

- 13) Kawasan kebakaran akan dibuka semula atas arahan Pengarah Hospital setelah mendapat nasihat dari pihak Bomba



ANNEX 1

